

10 AUG 2000

Isa-Tol

MENTERI BESAR ALU-ALUKAN KABINET KAJI SEMULA KADAR TOL

KUALA PILAH, 10 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mengalu-alukan keputusan Kabinet untuk mengkaji semula kadar tol lebuhraya Seremban-Port Dickson.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berikutan keputusan Kabinet untuk menimbang mengurangkan kadar tol itu.

"Saya percaya ini suatu usaha yang baik sebagai langkah ke arah mencari jalan penyelesaian dan kita akan sokong apa juga keputusan Kerajaan Pusat," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kenyataan Samy yang tersiar di akhbar hari ini bahawa secara prinsipnya penurunan kadar tol lebuhraya berkenaan boleh dipertimbangkan.

Terdahulu beliau merasmikan penutupan Jambori Skim Lencana Anti Dadah peringkat kebangsaan zon Selatan di hutan rekreasi Ulu Bendul dekat sini, hari ini.

Samy berkata perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet Rabu depan.

Pada 3 Ogos lepas syarikat konsesi lebuhraya itu Seremban-Port Dickson Highway Sdn Bhd (SPDH) mengumumkan kenaikan kadar tol baru bagi lebuhraya itu antara 10 sen hingga RM1.50 bagi semua kelas kenderaan berkuat kuasa 4 Ogos.

Lebuhraya Seremban-Port Dickson sejauh 23.5 kilometer yang berharga RM250 juta itu mula beroperasi pada Ogos 1997 menggunakan sistem tol terbuka.

Sementara itu, beliau berkata program pendidikan pencegahan dadah yang diadakan di seluruh sekolah di negara ini merupakan satu langkah yang wajar untuk membentasi wabak itu daripada terus menular.

Lebih 300 orang pelajar dan guru dari Pahang, Selangor, Kuala Lumpur, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan menyertai jambori empat hari itu yang bermula sejak Isnin lepas.

-- BERNAMA

rp ri